



Headline: Jururawat rugi RM170,000 ditipu polis palsu  
Publication/Portal: Sinar Harian  
Date: 1 December 2021

Language: Malay  
Section: Nasional  
Page: 24

## Jururawat rugi RM170,000 ditipu polis palsu

**KOTA BHARU** - Seorang jururawat berputih mata apabila kerugian RM170,000 selepas menjadi mangsa penipuan Macau Scam yang menyamar sebagai anggota dan pegawai polis.

Mangsa berusia 43 tahun menyedari dirinya diperdaya oleh sindiket berkenaan selepas membuat beberapa transaksi pemindahan wang dan kemudian membuat laporan pada Selasa lalu.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Shafien Mamat berkata, mangsa sebelum itu dihubungi oleh seorang lelaki yang mengaku sebagai anggota polis dan memberitahu identiti mangsa disalahgunakan oleh pihak yang tidak dikenali.

Katanya, suspek kemudian menghantar satu laporan polis menerusi aplikasi WhatsApp kepada mangsa dan menyuruh wanita itu melaporkan pergerakan mangsa dan aktiviti yang lakukan setiap hari bermula jam 9 pagi hingga 8 malam.

“Mangsa dihubungi oleh seorang wanita yang mengaku sebagai pegawai polis dan memberitahu bahawa pihak Unit Jenayah Pengubahan Wang Haram (AMLA) akan menjaga akaun bank milik mangsa.

“Mangsa hanya perlu memasukkan wang ke dalam akaun bank atas nama seorang individu dan pada 20 Oktober, wanita itu membuat pembayaran sebanyak RM25,800,” katanya ketika dihubungi di sini pada Selasa.

Menurut beliau, wanita itu kemudian membuat tujuh lagi transaksi dengan jumlah keseluruhan lebih RM170,000 ke empat akaun berbeza.

“Pada 13 November, mangsa cuba menghubungi suspek, namun gagal dan akhirnya menyedari dirinya ditipu oleh sindiket. Mangsa kemudian membuat laporan polis,” katanya.

Kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.